



Mutiara Berita

Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak
(Sarawak Federation of Women's Institutes)



BIL 134 DIS 2016



Rombongan PPWS ke persidangan tersebut. ▲
Dari kiri: Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha (Exco Kawasan Sibul/Sarikel/Kapit), Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri (Bekas Pengerusi Negeri PPWS) dan Puan Norjanah binti Haji Razali (Pengerusi Negeri PPWS)

Persidangan Ke-28 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Tiga Tahun Sekali

17 hingga 23 Ogos 2016
Warwick, United Kingdom

Malaysia merupakan salah satu daripada 42 buah negara anggota Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) di bawah Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh. Antara pertubuhan lain di rantau berkenaan yang terlibat dalam persidangan bertaraf antarabangsa itu adalah PPWS, SGWI, Pahang WI, NAWIM, Sabah Nurses Association, KINTA, Indonesia, Brunei, China dan Filipina.

Penyertaan kali ini turut menyaksikan pencalonan bekas Pengerusi Negeri PPWS, Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri sebagai Presiden ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh yang pada masa ini dipegang oleh KeBawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah bagi sesi 2013-2016.



▲
Gambar kenangan selepas Mesyuarat ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh yang telah dipengerusikan oleh KeBawah Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, Pengerusi ACWW Kawasan Asia Tenggara dan Timur Jauh Sesi 2013-2016



▲
Rombongan PPWS bersama WI Pahang



▲
Perasmian Persidangan Ke-28 Persatuan Wanita Desa Sedunia (ACWW) Tiga Tahun Sekali



Perutusan Pengerusi Negeri

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Jawatankuasa Kecil Media dan Publisiti kerana Mutiara Berita PPWS Edisi 134, Dis 2016 dapat diterbitkan.

Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli PPWS di Cawangan, Daerah dan Kawasan atas penganjuran program/aktiviti di peringkat masing-masing dan berterusan menyalurkan laporan gambar-gambar program/aktiviti sebagai pengisian untuk penerbitan Mutiara Berita PPWS setiap tahun.

Saya mewakili warga PPWS mengambil kesempatan dalam ruangan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang pernah dilantik sebagai Pengerusi Negeri PPWS atas penganugerahan pingat Panglima Gemilang Bintang Kenyalang yang membawa gelaran "Datuk" dan penganugerahan pingat Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang yang membawa gelaran "Dato' Sri".

Saya juga mewakili warga PPWS mengucapkan selinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS atas penerimaan Anugerah Datuk Patinggi Laila Taib sempena Sambutan Hari Wanita 2016 Peringkat Negeri Sarawak pada 5 November 2016.

Ahli-ahli PPWS yang saya hormati sekalian,

PPWS bakal menyambut ulang tahun yang ke-55 pada bulan Mei tahun hadapan. Usia ini cukup matang untuk menjadikan PPWS sebagai pertubuhan wanita yang mampu untuk membangunkan potensi wanita dalam pelbagai bidang, menerusi program/aktiviti yang terancang dan berkesan.

Saya yakin, visi PPWS sebagai penggerak berdaya maju ke arah kesejahteraan dan kemakmuran wanita dan masyarakat dalam pembangunan Negara tercapai dalam pada masa ini. Contohnya, PPWS menganjurkan program yang menyeluruh seperti pengurusan organisasi, kebajikan, kemahiran, kesihatan dan kesejahteraan keluarga serta keusahawanan yang melibatkan penyertaan golongan wanita tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik.

Saya ingin menyarankan agar dalam apa juga aktiviti, penyertaannya hendaklah diterima secara seimbang daripada semua lapisan masyarakat yang berbilang kaum agar matlamat integrasi dapat dicapai.

PPWS kini menggalakkan penglibatan golongan muda khususnya para remaja untuk bergiat dalam aktiviti kesukarelawan melalui pertubuhan PPWS. Pelbagai aktiviti atau program diadakan untuk melibatkan penyertaan golongan muda ini melalui Friends of WI dengan kerjasama sekolah-sekolah di Sarawak.

Untuk mencapai semua yang dihasratkan ini memerlukan satu lonjakan paradigma yang baik dalam kalangan semua ahli PPWS yang berjumlah lebih kurang 13,000 orang setakat ini di seluruh Sarawak. Semua ini menuntut perubahan sikap dan mentaliti memandangkan cabaran dan persaingan yang menanti amatlah hebat. Negara kita kini semakin pesat membangun dan perkara ini mestilah diiringi dengan sokongan yang efisien, berdaya maju dan saling melengkapi antara satu sama lain. PPWS tidak boleh ketinggalan lebih-lebih lagi setelah usianya yang telah menjangkau lebih setengah abad.

Justeru, sambutan yang diadakan pada bulan Mei 2017 pada tahun depan diharap akan menjadi medan terbaik untuk kita membina semula imej PPWS agar terus relevan sebagai salah sebuah pertubuhan wanita yang kukuh serta mantap dan menjadi contoh kepada 127 buah pertubuhan-pertubuhan wanita lain yang ada dalam Negeri Sarawak ini.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

"BIJAK, CEKAP, BERMAKLUMAT"
"Wanita Pembina Masyarakat Penyayang"

NORJANAH BINTI HAJI RAZALI
Pengerusi Negeri
Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS)
Sesi 2015-2018



Program Lawatan Ibu Pejabat PPWS Bersama Ahli ACWW Tasmania ke PPWS Cawangan Annah Rais 26 Julai 2016



▼ Rombongan ahli PPWS dari PPWS Daerah Kuching tiba di PPWS Cawangan Annah Rumah
(Dari Kiri: Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS; Puan Lindy Cleeland, Ahli ACWW dari Tasmania; Puan Masnah Haji Ramli, Pengerusi PPWS Kawasan Kuching/Samarahan; Puan Bena Patuq, Penasihat PPWS Cawangan Annah Rais)



▲ Tarian Selamat Datang oleh ahli PPWS Cawangan Annah Rais

Cenderahati Produk Sarawak diserahkan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS kepada Puan Lindy Cleeland, ahli ACWW dari Tasmania. Puan Norjanah Haji Razali, Pengerusi Negeri dan Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid turut menerima cenderahati dari Puan Lindy Cleeland



▲ Demonstrasi Memasak: Manok Pansuh



▲ Salah satu menu jamuan tengah hari yang disediakan oleh ahli PPWS Cawangan Annah Rais- nasi yang dimasak dalam daun



▲ Ahli PPWS menikmati jamuan makan tengah hari yang dihidangkan antaranya ialah Manok Pansuh



▲ Mencuba perhiasan kepala yang dibuat oleh salah seorang ahli di PPWS Cawangan Annah Rais

▶ Demonstrasi membuat Kraftangan



▶ Dalam perjalanan ke Kolam Air Panas Annah Rais



▶ Lawatan ke Kolam Air Panas Annah Rais

Kunjungan sempena Hari Raya ke kediaman Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

22 Julai 2016



Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy Shukri mengambil peluang ▲ cuti sempena Hari Sarawak berkumpul bersama rakan-rakan dari Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak (PPWS) dan bertukar-tukar fikiran tentang pelbagai isu semasa yang membabitkan usaha pemeraksanaan wanita di negeri ini.



Jamuan Minum Petang di Kediaman Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid sempena Hari Raya Aidilfitri

29 Julai 2016

Majlis Hari Jadi Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri

5 Ogos 2016

Hotel Grand Dormani
Rajah Court, Kuching

Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, memotong kek hari jadi sambil diperhatikan suami beliau



▲ Barisan Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS Sesi 2015-2018 yang hadir ke Majlis Hari Jadi Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri. Turut hadir ialah kakitangan Ibu Pejabat PPWS.

Mesyuarat berkenaan Perlembagaan PPWS dan Pengendalian Sistem e-ROSES

6 September 2016, Ibu Pejabat PPWS, Kuching



Barisan belakang (dari kiri): ▲

Puan Rhohanniza Amika (Setiausaha Eksekutif PPWS), Cik Azierah Jurnat (Pengelola PPWS Kawasan Kuching/Samarahan), Sr Puan Hajah Siti Khatijah binti Haji Othman (Exco PPWS Kawasan Sri Aman), Puan Hajah Dayang Mariam Haji Abang Mustapha (Exco PPWS Kawasan Sibul/Sarikei/Kapit)

Barisan depan (dari kiri):

Puan Hanipah Fauziah Shaikh Said (Exco Kawasan Limbang/Lawas), Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Puan Nur Fadila binti Abdullah (Pegawai Pendaftaran) dan Puan Hajah Kamariah binti Haji Hami (Bendahari Kehormat PPWS merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kecil Menghalusi Perlembagaan PPWS)

Kelas e-Usahawan Pemasaran Digital anjuran PPWS dengan kerjasama MDEC dan MASNITA

Berita
IBU PEJABAT

1 Oktober 2016, Universiti Malaysia Sarawak, Kota Samarahan

Program tersebut telah dihadiri oleh seramai 120 orang peserta. Fasilitator program ialah Puan Norhimah Aziz, dari Malaysia Digital Technology Corporation (MDEC).



Jamuan Makan Malam PPWS bersama Yang Berhormat Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri

10 Oktober 2016,
Hotel The Waterfront, Kuching

Cenderahati jambangan bunga kepada YB Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang disampaikan oleh Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS sempena jamuan makan malam bersama YB Datuk Menteri dalam meraikan pengumuman gelaran "Datuk" yang baru diterima beliau.



MIM-KAS Women Mentoring Development Programme

17-18 Oktober 2016
Hotel Merdeka Palace, Kuching



Seramai dua puluh (20) orang telah menghadiri Program MIM-KAS Women Mentoring Development Programme antaranya ialah Puan Rhoanniza Amika, Setiausaha Eksekutif PPWS dan Cik Azierah binti Jurnat, Pengelola PPWS Kawasan Kuching/Samarahan. Fasilitator program ialah Putri Juliani binti Othman.

Jamuan Minum Petang sempena Lawatan PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit/ ke Ibu Pejabat PPWS

29 Oktober 2016

Rombongan PPWS Kawasan Sibu/Sarikei/Kapit seramai empat puluh (40) orang telah melawat Ibu Pejabat PPWS. Puan Norjanah binti Haji Razali, Pengerusi Negeri PPWS menyampaikan ucapan aluan. Turut hadir ialah beberapa orang Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS yang lain iaitu Puan Salbiah Abdullah, Puan Hanifah Fauziah Shaikh Said, Dato Hajah Norhyati binti Ismail dan Puan Aishah Edris. Taklimat berkenaan PPWS turut disampaikan oleh Puan Rhoanniza Amika, Setiausaha Eksekutif.



Sambutan Hari Wanita 2016 Peringkat Negeri Sarawak

5 November 2016, Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching



Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS serta ahli PPWS yang lain bergambar bersama Yang Berhormat Datuk Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti dan YB Puan Sharifah Hasidah binti Sayeed Aman Ghazali, Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Pembangunan Keluarga Sarawak



Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS serta ahli PPWS bergambar bersama Puan Noriah Haji Ahmad, Pengarah Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak



Penerima-penerima Anugerah sempena Hari Wanita 2016 Peringkat Negeri Sarawak. Antaranya ialah Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS yang menerima Anugerah Datuk Patinggi Laila Taib sempena sambutan tersebut.



▲ Ahli Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan (Dari Kiri: Puan Salbiah Abdullah (Pengerusi), Puan Josephine Henry, Puan Azlina binti Bujang, Puan Fathiyah binti Abdul Haddy, Puan Norhasyimah Abdullah, Puan Zamida binti Abdul Wahed, Puan Hasmah binti Sauni, Puan Irmawati binti Hameed)



▲ Peserta Kursus SOP Perniagaan dan Komunikasi yang disampaikan oleh Puan Kuspa Arina binti Mohamad Bohari pada 1 Disember 2016, bertempat di Ibu Pejabat PPWS.

Bengkel Perlembagaan PPWS 2016

6 Disember 2016, Ibu Pejabat PPWS, Kuching



Bengkel Perlembagaan PPWS telah dihadiri Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS, Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah Abdul Majid, Pengerusi Negeri PPWS serta Ahli Jawatankuasa Kerja Negeri PPWS, Pengerusi-Pengerusi Kawasan PPWS dan kakitangan PPWS. Tujuan bengkel tersebut diadakan untuk membincangkan dengan lebih lanjut berkenaan Perlembagaan PPWS. Bengkel tersebut dijadikan sebagai platform untuk menerima cadangan/penambahbaikan kepada Perlembagaan PPWS yang sedia ada dan dipinda sesuai dengan peredaran semasa.



▲ (Dari Kiri: Puan Hajah Frida John, Pengerusi Kawasan Sri Aman; Puan Kuspa Arina binti Mohamad Bohari, Setiausaha Kehormat PPWS; Puan Aishah Edris, Timbalan Pengerusi Negeri PPWS)



▲ Menikmati jamuan makan tengahari yang disediakan oleh Yang Berbahagia Dato Hajah Rugayah binti Abdul Majid sempena Bengkel Perlembagaan PPWS dan merayakan anugerah yang diterima oleh Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS sempena Hari Wanita Peringkat Negeri Sarawak 2016

Lawatan PPWS ke Sarawak Children's Cancer Society (SCCS)

sempena Hari Natal 2016

14 Disember 2016



▲ Puan Salbiah Abdullah, Pengerusi Jawatankuasa Kecil Sosial, Rekreasi dan Kebajikan menyampaikan cek sumbangan kepada wakil Sarawak Children's Cancer Society (SCCS), Cik Genevieve Tan sempena lawatan di sana

▶ Puan Hajah Jamelah binti Haji Mobil menunjuk ajar cara-cara menghias kek cawan kepada salah seorang kanak-kanak di SCCS



**Bengkel Jati Diri Prinsip & Amalan
Koperasi Anjuran ANGKASA**

20 September 2016
Hotel Kingwood, Mukah

**Kejohanan Ten Pin Boling Piala
Ketua Pengarah MKM**

29 Oktober 2016
Riverside Superbowl, Kuching



▲ Bengkel tersebut turut dihadiri oleh ahli-ahli dari Koperasi Kampung Pulat Balingian Berhad, Koperasi MASLIBA, Koperasi KODELT dan Koperasi Perkumpulan Wanita Sarawak (KOPERWANIS)



▶ Penyertaan ahli PPWS dalam Kejohanan Ten Pin Boling Piala Ketua Pengarah MKM

(Dari Kiri: Puan Affidah Morni, Puan Azlina Bujang, Puan Aiza Johari dan Puan Siti Huzaimah)

**Berita Kawasan
Kuching / Samarahan**



▲ Demonstrasi Kek Lapis oleh Puan Rabiah Amit semasa Program Lawatan Dari PPWS Cawangan Kampung Pueh, PPWS Cawangan Kampung Paon dan PPWS Cawangan Kampung Sarayan ke PPWS Cawangan RPR II



▲ Majlis Makan Tengah Hari PPWS Cawangan Kampung Pasi/Stabun, Serian di Hotel Perview Kuching



▶ Hari Keluarga PPWS Daerah Lundu/Sematan yang diadakan di Lundu dan dirasmikan oleh Setiausaha Politik Ketua Menteri Sarawak

3 Julai 2016



▲ Ahli PPWS Kawasan Sri Aman telah menyampaikan sumbangan berupa keperluan dapur kepada enam (6) orang penerima yang kurang berkemampuan di sekitar Daerah Sri Aman. Turut hadir ialah Puan Hajah Frida John, Pengerusi PPWS Kawasan Sri Aman dan Cik Dayang Noor Ruzaliny Awang Jamain, Pengelola PPWS Kawasan Sri Aman.

Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak 2016

31 Ogos 2016
Bandar Sri Aman



▲ Ahli-ahli PPWS Cawangan Lingga/Betong dan Kampung Perintah menyertai Perbarisan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Sarawak di Sri Aman

Program Memasak Bubur Asyura oleh PPWS Cawangan Beladin

31 Oktober 2016

Program drasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Pada masa yang sama, Sambutan Bulan Keluarga Kebangsaan 1 Malaysia (BKK1M) dan Pelancaran Program Pemeriksaan Keluarga Dan Komuniti Peringkat Negeri Sarawak turut diadakan.



Lawatan Penanda Aras ke Kuala Lumpur

28 Ogos hingga 1 September 2016



▲ Rombongan ahli Lawatan Penanda Aras PPWS Kawasan Sri Aman tiba di KLIA2



▲ Lawatan ahli ke Tugu Negara



▲ Lawatan ahli ke Muzium Istana Diraja



▲ Kunjungan hormat kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat



▲ Lawatan ke Snow World ICT, Shah Alam



▲ Lawatan rombongan PPWS dari Sri Aman di Rumah Kanak-kanak Tuanku Budriah Cheras



▲ Lawatan ke Genting Highlands

Penyerahan Komik Upin Ipin Untuk Pra-Sekolah

- Menanam minat membaca dalam kalangan pelajar Pra Sekolah.
- Ahli PPWS berpeluang berkomunikasi dan beramah mesra dengan guru dan para pelajar.



▲ SK Abang Aing, Sri Aman
20 September 2016

▲ SK St Luke, Sri Aman
20 September 2016



▲ Sk Sri Aman, Sri Aman
20 September 2016

▲ SK Agama, Sri Aman
20 September 2016



▲ Rumah Kanak-Kanak Ajjah Abol Sri Aman
20 September 2016

Aktiviti Membersihkan Perkarangan Tanah Perkuburan

1 Oktober 2016



▲ Seramai 13 orang ahli dari PPWS Cawangan Masliba Mukah bergotong-royong untuk membersihkan tanah perkuburan

Sambutan Hari Malaysia anjuran PPWS Daerah Sibü

16 September 2016



Berita Kawasan
Sibü / Sarikei / Kapit

Sukaneka sempena Sambutan Hari PPWS Daerah Sarikei

2 Oktober 2016



▲ Seramai 150 orang ahli menyertai aktiviti senamrobik



▲ Penyertaan ahli PPWS dalam aktiviti pertandingan mewarna



▲ Penyertaan ahli PPWS dalam aktiviti gubahan bunga

Majlis Makan Malam anjuran PPWS Daerah Sarikei

2 Oktober 2016



Hari Sukan Negara 2016

8 Oktober 2016



▲ Penyertaan ahli-ahli PPWS Daerah Sibü di Dataran Sibü 1 & 2



▲ Penyertaan ahli-ahli PPWS Cawangan Masliba Balingian di Daerah Balingian

Sambutan Ulang Tahun Ke-36 PPWS Cawangan Bunga Raya

14 Oktober 2016



Penyediaan dan Pengagihan Bubur Asyura

15 Oktober 2016



▲ 11 orang Ahli Jawatankuasa PPWS Cawangan Haji Karim menyediakan bubur asyura

Berita Kawasan Miri / Bintulu



Ramah Tamah Aidilfitri PPWS Daerah Miri/Lutong di Bangunan PPWS Kawasan Miri/Bintulu



Puan Julianna Haji Sidi, Pengerusi PPWS Kawasan Miri/Bintulu bersama Puan Bayah Ahmad, Timbalan Pengerusi PPWS Kawasan Miri/Bintulu dan Puan Khayati Sulaiman, Pengelola PPWS Kawasan Miri/Bintulu hadir ke Ramah Tamah Aidilfitri PPWS Daerah Bintulu/Tatau



Ahli Jawatankuasa dan Pengelola PPWS Kawasan Miri/Bintulu Marzarahi Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat Negeri dan menyampaikan sambutan kepada Kipada adik Ruth Suran (anak kepada Manikang Audrey Jovan Goh - Ahli Seumur Hidup dan PPWS Cawangan Lutong)



Mempelajari demonstrasi membuat kuih dan merupakan salah satu aktiviti PPWS Cawangan Gertak. Turut hadir ialah Yang Berbahagia Puan Sri Halijah Aji dari W.I Melaka



Ahli-Ahli PPWS yang telah menghadiri Kursus Koperasi Anjuran Angkasa di Hotel Mega, Miri



Salah seorang ahli muda dari PPWS Cawangan Piasau Link, Cik Siti Nur Azura Wahit berumur 20 tahun menderma darah sempena Kempen Derma Darah anjuran Hotel Mega, Miri



Puan Julianna Sidi, Pengerusi PPWS Kawasan Miri/Bintulu bersama ahli PPWS yang lain melawat Puan Hajah Maryam Abdul Hamid, Ahli Seumur Hidup PPWS yang terlanjur di Hospital Columbia Asia, Miri



Bersama Yang Berhormat Datuk Lee Kim Shin, Adun N.75 Senadin sempena Majlis Makan Malam Bersama Ketua Menteri Sarawak anjuran Yayasan Naim Cendera di Pullman Hotel, Miri



Bergotong-Royong Memasak & Mengagihkan Bubur Asyura Di Kampung Penan Muslim anjuran PPWS Cawangan Penan Muslim, Bintulu



Rombongan PPWS Cawangan Kampung Selanyau, Bekenu melawat Lundu dan Bandaraya Kuching pada 14 hingga 18 September 2018

Hari Keluarga Jalinan Kasih anjuran PPWS Daerah Bekenu



Penyertaan golongan kanak-kanak dalam salah satu acara permainan



Senamrobik turut diadakan



Gimik Perasmian "bermain batu seremban" bersama tetamu kehormat, Yang Berhormat Rosey Yunus, Menteri Muda Solidariti



Memotong pulut kuning beramai-ramai bersama tetamu kehormat, Yang Berhormat Puan Rosey Haji Yunus, Menteri Muda Solidariti

Summer Night Party Sabah, Brunei dan Limbang
anuran PPWS Cawangan Sakura Limbang
25 September 2016

Berita Kawasan
Limbang / Lawas

FULL BLOOM
SUMMER NIGHT PARTY
SABAH BRUNEI & LIMBANG
FELLOWSHIP GATHERING



Mini Bike Borneo Challenge, Limbang 2016
16 Oktober 2016



PPWS di Daerah Limbang menyertai Pertandingan Gubahan Bunga Plastik dan
Pertandingan Membuat Sandwich

Hari Bukit Mas 2016 anuran
PPWS Daerah Limbang
8 Oktober 2016



Penyertaan golongan kanak-kanak dalam
Pertandingan Pakaian 1 Malaysia



Penyampaian hadiah sempena Pertandingan
Mengubah Pulut Kuning

Aktiviti Belajar Memasak Ayam Masak Padang anuran PPWS Cawangan Kampung Benuas
2 November 2016



Setinggi-tinggi tahniah kepada YB Datuk Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri



Penganugerahan Pingat Panglima Gemilang Bintang Kenyalang (PGBK) yang membawa gelaran Datuk sempena Hari Jadi Ke-60 Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak.



Pengahugerahan Darjah Sri Sultan Ahmad Shah Pahang (SSAP) yang membawa gelaran Dato' Sri sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Sultan Pahang, Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah pada 24 Oktober 2016

Ucapan Tahniah

Tahniah diucapkan kepada pemenang-pemenang Pertandingan Membuat Bumbu Pedas anjuran Ibu Pejabat PPWS:

Pemenang Pertama :
Puan Rohana Seruji

Pemenang Kedua :
Puan Hajah Aishah binti Abdul Rahman

Pemenang Ketiga :
Puan Hajah Halimah Haji Hassan

Saguhati 1:
Puan Sherifah Dayang Fatimah Wan Abdul Rahman

Saguhati :
Puan Dayang Ramlah Awang Ramlil



(Gambar arisan dari Borneo Post dan Utusan Borneo)

Warga PPWS mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berbahagia Dato Ursula Goh, Penasihat PPWS atas penerimaan Anugerah Datuk Patinggi Laila Taib sempena Sambutan Hari Wanita 2016 Peringkat Negeri Sarawak

Seksyen Keusahawanan



Nama Usahawan : Puan Bainah binti Kameri

Jenis Perniagaan : Menjual kraftangan, menjahit baju dan mengusaha ladang sawit

No. Telefon : 019-8762928

Beliau merupakan ahli PPWS di Daerah Bintulu. Beliau mula bergiat dalam PPWS sejak tahun 2009. Beliau adalah penerima bantuan mesin jahit sulaman dari WEDA, Jabatan Pertanian.

Banyak ilmu dan kemahiran yang diperolehi dan dipelajari bila melibatkan diri dalam PPWS. Dari kemahiran yang telah diperolehi telah dapat membantu dan menambah pendapatan keluarga.

Beliau menasihati wanita yang ingin menceburkan diri dalam bidang perniagaan agar tidak cepat berputus asa. Setiap pekerjaan hendaklah dilaksanakan dengan jujur dan ikhlas. Bermula dari kecil-kecilan dulu, perlu tabah dan sabar kerana dalam perniagaan banyak cabaran dan dugaan akan kita harungi. Sebagai usahawan, kita perlu sentiasa mengemaskinkan diri dalam ilmu perniagaan.